

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A
[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.



- 1 Nenek _____ barang-barang tembaga yang telah lama disimpan itu hingga berkilat.
 A mengesat
 B menggelap
 C mengusap
 D menggilap
- 2 Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang serba canggih membolehkan murid _____ pelbagai ilmu dengan mudah.
 A meneroka
 B mengorek
 C menggali
 D merintis

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Seluar panjang yang dibeli oleh ibu terlalu *ketat*.
 II Dia memulas skru itu sehingga *ketat* agar tidak tercabut.
 III Kawalan *ketat* di sempadan negara dilakukan untuk menghalang kemasukan pendatang asing tanpa izin.
 IV Laluan ke Karnival Barangan Malaysia semakin *ketat* kerana pengunjungnya semakin ramai.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- 4 I Kita dapat menikmati pemandangan yang luas dan cantik dari *puncak* Gunung Kinabalu.
 II Ayah bertolak ke pejabat pada awal pagi untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu *puncak*.
 III Murid-murid menyanyikan lagu “Negaraku” diiringi dengan upacara menaikkan Jalur Gemilang ke *puncak* tiang.
 IV Kuasa beli pengguna menurun rentetan daripada harga barangan di pasaran yang *puncak* naik.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Didikan keluarga menjadi asas utama untuk menyemai integriti dan sifat amanah sejak dari usia kecil lagi.
 A di usia kecil lagi
 B dari usia kecil lagi
 C daripada usia kecil lagi
 D sejak dari usia kecil lagi
- 6 Antara kebaikan penubuhan koperasi sekolah termasuklah mendedahkan kepada murid asas perniagaan.
 A dedahkan asas perniagaan kepada murid
 B mendedahkan pada murid asas perniagaan
 C mendedahkan asas perniagaan kepada murid
 D mendedahkan kepada murid asas perniagaan

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Kerjaya impian kamu apakah?
 II Tingkah lakunya yang sopan santun disenangi oleh rakan-rakannya.
 III Cindy sanggup bekerja sambil sementara mendapat pekerjaan tetap.
 IV Aku yakin bahawa pasukan kita akan menang dalam pertandingan perbahasan esok.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- 8 I Dataran Merdeka kami telah lawat pada minggu lepas.
 II Remaja memang mudah terpengaruh pada gejala sosial.
 III Sejak kecil lagi, dia sudah diasuh agar menghormati orang-orang tua.
 IV Murid-murid akan mendapat pengalaman berniaga dengan menyertai hari kantin sekolah.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Orang ramai kini berbelanja dengan lebih berhemat setelah harga barangan meningkat secara mendadak.
 A Kenaikan harga barangan menyebabkan orang ramai berjimat cermat.
 B Kuasa beli orang ramai menurun kerana kenaikan harga barangan secara mendadak.
 C Orang ramai mengurangkan pembelian keperluan harian ketika harga barangan telah meningkat.
 D Para pengguna berbelanja mengikut keperluan apabila harga barangan meningkat secara mendadak.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10 Saya akan memilih sesuatu benda dengan berhati-hati supaya tidak terbuang benda yang berguna, bak kata peribahasa
- A habis kapak berganti beliung.
 - B ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.
 - C jikalau mengangin jangan tumpah padinya.
 - D kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah.

Maka diambilnya padi yang dijemur itu segenggam, lalu disembunyikannya butir-butir padi itu di dalam lubang-lubang luka pada tumitnya. Setelah itu ia pun meminta izin dengan baik-baik untuk pulang ke kampungnya, ke bumi tempat saudaranya yang tetap menantikannya.

Maka berkatalah induk semangnya, orang kayangan yang masih juga mencurigainya itu, “Baiklah, jikalau kamu ingin pulang ke kampung kamu, akan tetapi, sebelumnya itu saya akan memeriksa dan menggeledah kamu lebih dahulu. Barangkali ada padi yang disembunyikan untuk kamu bawa sebagai *oleh-oleh* ke bumi.”

Anak yatim piatu itu pun menjawab dengan tenangnya, “Silakan! Periksalah dengan teliti kalau-kalau ada apa-apa yang saya bawa. Sekarang saya sudah betul-betul jera mengambil apa-apa. Saya sungguh-sungguh sudah bertaubat dan tidak mahu lagi melakukannya.”

Kemudian induk semangnya berkata, “Jikalau benar demikian katamu, maka jelaslah bagi kami dan percayalah kami bahawa kamu betul-betul tidak akan mencuri padi kami lagi.”

Setelah induk semangnya berkata demikian, maka anak yatim piatu pun berangkatlah meninggalkan kayangan. Orang kayangan itu tidak mengetahui sama sekali bahawa anak yatim piatu yang kecil itu ada menyembunyikan padi di dalam lubang-lubang luka pada tumitnya. Akhirnya sampai jugalah anak yatim piatu itu dengan selamat di kampungnya. Maka ia pun dengan segera membuat ladang. Setelah selesai, ditanamnya padi yang dicurinya itu di ladangnya.

Dipetik daripada prosa tradisional ‘Asal Padi’,
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- 11 Apakah maksud perkataan *oleh-oleh* dalam petikan di atas?
- A Air tangan
 - B Buah tangan
 - C Hasil tangan
 - D Bekas tangan
- 12 Peribahasa yang sesuai dengan sikap anak yatim piatu yang tidak amanah ialah
- A cepat kaki, ringan tangan.
 - B ikut hati mati, ikut rasa binasa.
 - C harapkan pagar, pagar makan padi.
 - D sekali jalan kena, dua kali jalan tahu.

- 13 Bagaimanakah anak yatim piatu membawa butir-butir padi ke bumi?
- A Menyembunyikan butir-butir padi di dalam bajunya.
 - B Meminta keizinan daripada empunya padi dengan baik.
 - C Memasukkan butir-butir padi di dalam lubang-lubang luka pada tumitnya.
 - D Mengambil segenggam butir-butir padi dan dimasukkan ke dalam mulutnya.
- 14 Antara yang berikut merupakan perwatakan anak yatim piatu, **kecuali**
- A seorang yang berani.
 - B seorang yang mengenang budi.
 - C seorang yang bijak mencari akal.
 - D seorang yang berpandangan jauh.
- 15 Apakah syarat yang dikenakan oleh empunya padi apabila anak yatim piatu ingin pulang ke bumi?
- A Anak yatim perlu meminta keizinan sebelum pulang.
 - B Anak yatim berjanji tidak akan mencuri padinya lagi.
 - C Anak yatim piatu tidak boleh memperdaya empunya padi.
 - D Anak yatim akan diperiksa untuk memastikan padinya tidak dicuri.